

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 21 Disember 2022



KENYATAAN MEDIA
BAGI *MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW*,
BIL. 1/2022

**Eksport industri kayu bernilai RM20.4 bilion pada tahun 2021,
meningkat 3.4 peratus, dengan sumbangan 1.6 peratus kepada keseluruhan
eksport Malaysia**

PUTRAJAYA, 21 DISEMBER 2022 – Ekonomi Malaysia telah mengalami peralihan daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada ekonomi yang lebih pelbagai dari tahun ke tahun. Salah satu penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia adalah industri perkayuan di mana Malaysia merupakan pengeksport bersih industri kayu disokong oleh peratusan tanah berhutan yang tinggi serta mega-kepelbagaian. Pemulihan daripada pandemik, eksport industri kayu meningkat 3.4 peratus pada tahun 2021 kepada RM20.4 bilion, didorong oleh kedua-dua keluaran kayu perkilangan dan pertanian. Eksport keluaran kayu perkilangan merangkumi 81.3 peratus daripada eksport industri perkayuan pada tahun 2021, dengan nilai RM16.6 bilion, manakala keluaran kayu pertanian meliputi 18.7 peratus atau RM3.8 bilion seperti yang dilaporkan dalam ***Malaysia Trade Statistics Review (MTSR)***. Laporan ini menyediakan maklumat tentang senario perdagangan industri perkayuan di Malaysia dan hubungkaitnya dengan statistik lain di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, “MTSR 2022 mensintesis prestasi perdagangan Malaysia untuk industri perkayuan, produk kayu utama iaitu kayu balak dan kayu gergaji, manakala papan gentian, papan lapis, kepingan venir dan perabot sebagai produk akhir kayu.”

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin juga menambah, “Sejak 32 tahun yang lalu, trend eksport produk industri perkayuan di Malaysia dilihat tidak menentu dan pernah memuncak pada tahun 2006 dengan nilai RM22.9 bilion. Jepun adalah destinasi eksport utama bagi produk kayu Malaysia, menyumbang 30.1 peratus atau RM2.1 bilion pada tahun 2021.”

Berlatarbelakangkan perkembangan industri pembuatan kayu, bagi memenuhi permintaan input perantaraan bagi subsektor ini, import keluaran kayu pertanian juga menunjukkan peningkatan trend. Import keluaran kayu pertanian meningkat secara purata pada 11.2 peratus setahun bagi tempoh 1990 hingga 2021.

Dari sudut import, nilai import produk kayu Malaysia adalah RM3.2 bilion pada tahun 2021 berbanding RM65.9 juta pada tahun 1990 dengan merekodkan peningkatan secara konsisten sepanjang tahun. Indonesia dan China merupakan negara asal utama bagi import produk kayu pada tahun 2021 dengan nilai masing-masing RM0.7 bilion dan RM0.6 bilion.

Mengulas lanjut, beliau berkata “Selaras dengan prestasi sektor pembuatan, industri perabot Malaysia turut merekodkan perkembangan pesat. Nilai eksport produk perabot berjumlah RM1.6 bilion dan menyumbang 2.0 peratus kepada jumlah eksport pada tahun 1990. Ia dilihat melonjak kepada RM16.6 bilion pada 2021 meskipun menunjukkan trend yang tidak menentu. Purata kadar pertumbuhan tahunan produk ini antara tahun 1990 hingga 2021 adalah pada 7.9 peratus. Amerika Syarikat, Jepun, Singapura, United Kingdom dan Australia merupakan lima negara destinasi utama dalam eksport perabot kayu Malaysia. Selain itu, import produk perabot berjumlah RM5.7 bilion pada 2021 dengan China mendominasi sebagai negara asal utama perabot kayu lain sejak 2008.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 DISEMBER 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, December 21st 2022



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW,
VOL. 1/2022**

Exports of timber industry products amounted RM20.4 billion in 2021, increased by 3.4 per cent, with a contribution of 1.6 per cent to Malaysia's total exports

PUTRAJAYA, DECEMBER 21, 2022 – Malaysia's economy has experienced transition from agriculture and commodity-base to a more diversified economy over the years. One of the major revenue contributors to the Malaysia's economy is timber industry and has been a net exporter of timber industry products on account of its high percentage of forested land and diversified woodland. Recovering from the pandemic, exports of timber industry products rose 3.4 per cent in 2021 to RM20.4 billion, supported by both manufactured and agricultural timber products. Exports of manufactured wood products represented 81.3 per cent of overall timber industry exports in 2021, with a value of RM16.6 billion, while agricultural wood products accounted for 18.7 per cent or RM3.8 billion as reported in the **MALAYSIA TRADE STATISTICS REVIEW (MTR)**. This report provides information on the scenario of Malaysia's trade for timber industry together with other statistical indicators in the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlights, "MTR 2022 synthesizes Malaysia's trade performance for timber industry, major agricultural timber products namely sawlog and sawn timber, while fibreboard, plywood, veneer sheet and furniture as final products of timber."

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added, "For the past 32 years, trend of Malaysia's timber industry products exports has been fluctuated and were once peaked in 2006 at RM22.9 billion. Japan is a significant export destination for Malaysia's timber products, contributing 30.1 per cent share or RM2.1 billion in 2021."

In the backdrop of the expanding wood manufacturing industry, to fulfil the demand for intermediate input for this sub-sector, imports of agricultural wood product also showed an increasing trend. Imports of agricultural timber products rose on average 11.2 per cent annually for the period of 1990 to 2021.

In terms of imports, value of Malaysia's imports of timber products was RM3.2 billion in 2021, increasing steadily over the years as compared to RM65.9 million in 1990. Indonesia and China were the most significant countries of origin for imports of timber products in 2021 with a value of RM0.7 billion and RM0.6 billion respectively.

Elaborating further, he said "In tandem with the manufacturing sector's performance, the Malaysia's furniture industry is booming as well. The export value of furniture products amounted RM1.6 billion and accounting 2.0 per cent of total exports in 1990. It was spotted soaring along the way to RM16.6 billion in 2021 with up and down trend. The average annual growth rate of this product between 1990 to 2021 is at 7.9 per cent. The United States, Japan, Singapore, the United Kingdom and Australia were the top five countries of destination in exports of wooden furniture. On the other hand, imports of furniture products amounted RM5.7 billion in 2021 with China dominated as the major country of origin of other wooden furniture since 2008."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
21st DECEMBER 2022**